



SYARAT-SYARAT PENGANJURAN BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI MAJLIS DAERAH TANGKAK TAHUN 2025

1. Penganjuran boleh dimohon oleh semua pihak samada Persatuan, Pertubuhan Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).
2. Penganjur hendaklah memilih salah satu daripada jenis penganjuran bazar samada Bazar Ramadan atau Bazar Aidilfitri.
3. Penganjur yang akan dipilih bagi mengadakan Bazar Aidilfitri dan Bazar Ramadan di Daerah Tangkak Tahun 2025 perlulah mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam penganjuran program.
4. Penganjur perlu mempunyai peralatan dan kemudahan yang mencukupi bagi menampung permintaan dan keperluan semasa sekiranya berlaku bencana yang disebabkan oleh cuaca di sesuatu lokasi.
5. Penganjur adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penyediaan kemudahan dan keperluan peniaga sepanjang tempoh penganjuran.
6. Syarat-syarat lain bagi penganjuran yang layak akan dipilih bagi menguruskan sepenuhnya Bazar Aidilfitri dan Bazar Ramadan Tahun 2025 adalah sebagaimana ketetapan berikut:-
 - 6.1 Menguruskan sewaan tapak sekiranya melibatkan tanah pemaju; (jika perlu)
 - 6.2 Bekalan Air dan Elektrik; (jika perlu)
 - 6.3 Penyediaan surau dan tandas berhampiran kawasan Bazar; (jika perlu)
 - 6.4 Khidmat kawalan keselamatan daripada pihak RELA;
 - 6.5 Pengurusan sampah dan kawalan kebersihan;
 - 6.6 Menyediakan perincian kos yang akan dikenakan kepada peniaga bagi setiap lot mengikut keluasan tapak; dan
 - 6.7 Penganjur hendaklah mengendalikan pengurusan pengundian dengan baik dan cekap.
7. Kertas kerja penganjuran yang lengkap akan di bawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am bagi kelulusan Jawatankuasa.
8. Keputusan pihak Majlis adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.
9. Penganjur yang berminat boleh membuat semakan lokasi Bazar Aidilfitri dan Bazar Ramadan serta kadar bayaran yang akan dikenakan oleh pihak di Kaunter Pelesenan, Majlis Daerah Tangkak.